



KENYATAAN MEDIA

KES KEMATIAN BAYI DI TASKA PINTAR HOSPITAL SEBERANG JAYA

PUTRAJAYA, 11 Mac 2026 – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius laporan kes kematian seorang bayi ketika berada di bawah jagaan di **TASKA Pintar Hospital Seberang Jaya** yang dilaporkan berlaku pada **9 Mac 2026**.

Mangsa, **Hayl Haarith bin Mohd Syafaez**, berusia **4 bulan 3 hari**, dipercayai meninggal dunia ketika berada di bawah jagaan pengasuh di premis TASKA berkenaan. Mangsa dilaporkan telah ditempatkan di TASKA tersebut kira-kira sebulan sebelum kejadian, susulan ibunya mula bertugas di Hospital Seberang Jaya.

Sejurus laporan kejadian diterima, Pegawai Kebajikan Masyarakat telah turun ke premis TASKA untuk menjalankan siasatan awal di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] melibatkan aspek perlindungan dan kebajikan kanak-kanak serta pemeriksaan pematuan premis tersebut di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan peraturan pengoperasian berkaitan. JKJ juga telah mengeluarkan Perintah Penutupan Sementara TASKA di bawah perenggan 16(1)(a) Akta 308 terhadap TASKA Pintar, Hospital Seberang Jaya berkuat kuasa serta merta.

Selain itu, JKJ turut memberikan bantuan sokongan psikososial awal kepada ibu mangsa dan ahli keluarga yang terlibat. Pihak JKJ mengambil maklum bahawa kes ini sedang dalam siasatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan akan memberi kerjasama penuh kepada pihak PDRM dalam membantu siasatan yang dijalankan.

Kerajaan menegaskan bahawa setiap TASKA yang berdaftar di bawah Akta 308 hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan, termasuk melibatkan kelayakan pengasuh dan prosedur keselamatan kanak-kanak. Sekiranya dibuktikan berlaku apa-apa pelanggaran undang-undang atau syarat pendaftaran, tindakan tegas termasuk penggantungan operasi atau pembatalan pendaftaran TASKA akan diambil.

##TAMAT##

**DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
11 MAC 2026**